

Tambahan ringgit RM3.80 dikekalkan

UM 21 JAN 2005

PUTRAJAYA 20 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan mengekalkan kadar tambatan ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri memberitahu, bagaimanapun kerajaan sudah mempunyai perancangan bagi mengkaji, mengawasi dan membuat analisis tetap mengenai situasi semasa kewangan dalam negara dan peringkat antarabangsa.

“Setakat ini tiada sebarang perubahan yang akan dilakukan mengenainya. Kajian yang kita sedang laksanakan akan meliputi semua aspek

ekonomi dan kewangan termasuk kadar pertukaran asing ringgit berbanding mata wang asing yang lain.

“Maka apabila sampai waktunya untuk dilakukan sebarang perubahan bagi faedah rakyat, kita pasti akan menimbangankan untuk melakukan perubahan,” katanya.

Abdullah mengulas pandangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa tambatan ringgit yang telah diguna pakai selama enam tahun empat bulan perlu dikaji semula.

Abdullah berkata demikian selepas menghadiri Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-6 (MAPPA VI),

di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang bertanggungjawab menetapkan tambatan itu selaku Perdana Menteri pada 1 September 1998 berkata, nilai semasa ringgit pada masa ini terlalu rendah akibat kejatuhan dolar AS wajar dikaji semula kerana ia merugikan negara terutamanya dalam urusan niaga menggunakan mata wang Euro atau Yen.

Menjawab pertanyaan, sama ada kerajaan merasakan tambatan sekarang telah mengurangkan daya saing negara di seberang laut, Abdullah berkata, perkara tersebut perlu dilihat secara komprehensif.